

23/06/2001

Perwakilan beri tafsiran istilah `haprak`

BEBERAPA perwakilan memberikan pelbagai tafsiran mengenai istilah 'haprak' yang ditimbulkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya kelmarin.

Wakil Kedah, Tajul Aris Md Zin ketika membahaskan usul pendidikan dan ekonomi menyifatkan orang Melayu yang tidak membayar balik wang pinjaman Mara juga boleh dianggap haprak Melayu.

Beliau menghuraikan beberapa makna haprak Melayu, antaranya:

\* Yang berhutang tapi tak mahu bayar balik. Bukan saja hutang Mara, hutang bank atau hutang kawan, malah hutang bapa mertua pun tak nak bayar yakni menantu haprak.

\* Bila kena baris hendak makan, dia akan potong barisan, dia tak akan ikut.

\* Bila main judi, dia kalah, dia akan minta balik.

\* Bila main golf, dia kalah bertaruh, dia tak akan bayar, dia kata `friendly game' atau buat-buat masuk bilik persalinan

\* Bila masuk masjid, duduk belakang imam. Kalau sekiranya terpaksa, kawan tolak dan akan jadi imam, itu pun kalau sembahyang Zohor dengan Asar, Maghrib dengan Isyak tak boleh. Itu pun, kalau tiba masa baca doa, dia akan suruh orang belakang baca.

Beliau bagaimanapun berkata, Melayu haprak, kalau pakai baju, memilih fesyen cekak musang.

"Bajunya dilepas keluar, dia akan pakai ketayap, akan simpan janggut, akan belai dan jalan serata kampung bersyarah. Inilah antara Melayu yang saya sifatkan sebagai Melayu haprak," katanya.

Wakil Kelantan, Datuk Paduka Ibrahim Ali pula mendakwa, haprak yang dimaksudkan Dr Mahathir kelmarin ditujukan kepada Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Tan Sri Musa Hitam.

Katanya, beliau boleh mengagak siapa haprak kerana Musa ketika menyampaikan ucapatama pada satu kongres baru-baru ini, menggunakan perkataan yang sama.

Beliau berkata, Musa, dalam ucapannya itu mahu nasionalis haprak jangan menentang globalisasi, dunia tanpa sempadan dan mesti mengakui apa yang dikatakan demokrasi tulen dan hak asasi manusia.

"Apabila kawan-kawan tanya siapa dia haprak dan apa maknanya, saya tahu dan boleh agak...nak kata Pas, kita pun tahu (bukan), nak kata Anwar (Ibrahim) pun kita tahu (bukan).

"Saya tanya mereka... kamu tahu haprak, siapa haprak, dia ialah Pengerusi Suhakam, Musa Hitam. Cakap (mengenai nasionalis haprak) dia tu perli, dia nak kenakan Datuk Seri Presiden.

"Tak ada benda lain, dendam dulu tidak habis lagi," katanya ketika berucap membahaskan ucapan dasar Presiden.

Musa, ketika menyampaikan ucapatama di Kongres Peradaban Malaysia 2001, baru-baru ini dilaporkan berkata, kumpulan politik yang masih kolot dan enggan terima hakikat perubahan serta kesedaran mengenai demokrasi dan hak asasi manusia akan kecundang dalam peradaban baru.

Musa berkata, perubahan itu berlaku kerana masyarakat kini lebih bijak dan berani membuat keputusan politik hasil kemajuan pendidikan.

(END)